

13 JAN 1999

Mahkamah-Anwar (Mahathir)

PEGUAMBELA ANWAR CADANG PANGGIL MAHATHIR SEBAGAI SAKSI

KUALA LUMPUR, 13 Jan (Bernama) -- Mahkamah Tinggi di sini diberitau bahawa peguambela Datuk Seri Anwar Ibrahim bercadang untuk memanggil Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sebagai seorang daripada saksi mereka bersama tiga menteri lain.

Peguam Christopher Fernando berkata mereka bercadang untuk memanggil Perdana Menteri memberi keterangan pada perbicaraan itu bersama Menteri Kewangan Tun Daim Zainuddin, Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri Datuk Seri Rafidah Aziz, Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna Datuk Seri Megat Junid Megat Ayob dan bekas Ketua Polis Negara Tan Sri Abdul Rahim Noor, jika mahkamah memerintahkan Anwar membela diri.

"Jika Anwar diperintahkan membela diri, pembela ingin memanggil Perdana Menteri, dan nombor dua ialah Tun Daim Zainuddin," kata Fernando selepas Timbalan Kanan Pendakwa Raya Datuk Abdul Gani Patail memberitahu mahkamah bahawa pendakwaan menggulung kes pada perbicaraan Anwar yang menghadapi empat pertuduhan amalan rasuah.

Perbicaraan yang bermula pada 2 Nov lepas hari ini masuk hari ke-45.

Mahkamah akan memutuskan sama ada untuk memanggil Anwar membela diri selepas kedua-dua pihak selesai berhujah. Mahkamah mengarahkan pembela dan pendakwa menggulung hujah esok.

Terdahulu, Hakim Datuk S. Augustine Paul membenarkan pendakwaan meminda keempat-empat tuduhan terhadap Anwar.

Hakim berkata selepas mempertimbangkan tuduhan asal dan tuduhan pindaan yang dicadangkan, beliau berpendapat bahawa selain istilah, tiada perubahan besar dalam pindaan yang dicadangkan.

Anwar, 51, dituduh menyalahgunakan kedudukannya untuk mencampuri siasatan polis berhubung dengan dakwaan salahlaku seks terhadapnya.

Anwar menghadapi tuduhan mengikut Seksyen 2 (1) Ordinan Darurat (Kuasa-kuasa Perlu) 1970 yang membawa hukuman penjara maksimum 14 tahun atau denda RM20,000, atayu kedua-duanya jika sbait kesalahan.

Pendakwaan telah memanggil 23 saksi termasuk Ummi Hafilda Ali, penulis surat layang "Perihal Salah Laku Timbalan Perdana Menteri", yang dihantar kepada Dr Mahathir dan Azizan Abu Bakar, yang mendakwa dia beberapa kali diliwat oleh Anwar.

Fernando membuat permohonan untuk memanggil saksi-saksi itu selepas Gani menawarkan 47 saksi yang disenaraikan dalam senarai dan berkata pendakwaan akan menyediakan saksi-saksi yang tidak disenarai.

Bagaimanapun, pembela memutuskan untuk memanggil 22 saksi daripada senarai berkenaan dan Rafidah yang tidak disenarai.

Saksi lain yang pembela bercadang untuk memanggil ialah Datuk Abdul Aziz Shamsuddin (Setiausaha Politik Dr Mahathir), Datuk Ismail Che Ros (bekas pengarah Jabatan Siasatan Jenayah), Abd Khalid @ Khalid Jafri Bakar Shah (penulis buku "50 Dalil Mengapa Anwar Tidak Boleh Jadi PM), Abdul Rahim Dahalan, Khairuddin Abu Hassan (ejen 50 Dalil), Ma'amin Latip, Mohamad Azmin Ali (bekas setiausaha sulit Anwar), Mohd Azman Ali (abang Ummi), Mohd Taib Solomon (bekas pegawai polis), Norlia Ali (kakak Ummi), Normala Mohamad Yusof dan Norzilah Jalil (isteri kedua Megat Junid).

Peguambela juga bercadang untuk memanggil Dr Ristina Majid (pemilik rumah yang Ummi Hafilda dan Azizan, bekas pemandu isteri Anwar ditangkap), Shamsidar Taharin (isteri Azmin dan wanita yang dikatakan mempunyai hubungan seks dengan Anwar), Datuk Sng Chee Hua (ahli politik dan ahli perniagaan yang pembela mendakwa perbualannya dengan Ummi which

dirakamkan), Tan Beng Kim, Zamrah Lajis dan Zull Aznam Haji Haron (bekas pegawai pengiring Anwar).

Mahkamah akan mendengar hujah daripada kedua-dua pihak esok.

Selepas pihak pembela selesai menyenaraikan saksi-saksi yang dipilih, Paul menolak permohonan untuk memanggil semula Ummi Hafilda untuk pemeriksaan balas selanjutnya mengenai kandungan pita rakaman yang pembela mendakwa dapat membuktikan teori mereka tentang konspirasi.

Hari ini, Fernando juga memohon kepada mahkamah supaya buku-buku cacatan Anwar yang dirampas dari pejabat dan rumahnya dipulangkan kerana menurutnya ini dapat membantu pembelaan.

Bagaimanapun, hakim berkata beliau tidak dapat mengarahkan polis mengembalikan buku-buku cacatan itu kerana ia bukan barang kes mahkamah dan meminta peguam membincangkannya dengan pendakwa.

Terdahulu, apabila mahkamah bersidang selepas rehat selama dua jam untuk membolehkan pembela menyemak bukti sebelum memutuskan sama ada untuk memanggil semula mana-mana saksi, Raja Aziz memberitahu mahkamah bahawa peguambela memutuskan untuk tidak memanggil semula mana-mana saksi pendakwa.

Mereka yang hadir di mahkamah yang sesak ialah Prof Chandra Muzaffar, presiden International Movement for A Just World dan bekas penuntut Kolej Melayu Kuala Kangsar yang datang dengan memakai tali leher kolej itu.

Pada suatu ketika, Anwar kelihatan menunjukkan tali leher kepada mereka di dewan umum sebelum memakai tali leher itu di mahkamah hari ini.

-- BERNAMA  
NHD SBB FAZ